

# TRICILON CREAM

Triamcinolone acetonide (0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tricilon*
2. Bagaimana *Tricilon* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tricilon*
4. Cara menggunakan *Tricilon*
5. Semasa menggunakan *Tricilon*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tricilon*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Tricilon*

Ia digunakan untuk merawat keadaan inflamatori jangka pendek atau panjang seperti neurodermatitis setempat (mula dengan kegatalan), psoriasis, keradangan kulit atopik atau seboroik, peringkat inflamatori xerosis (kulit kering yang luarbiasa) gatal dan ekzema).

## Bagaimana *Tricilon* berfungsi

Triamcinolone acetonide, sejenis steroid dengan sifat anti-inflamatori dan anti gatal. Ia disapu atas permukaan kulit untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan akibat masalah kulit tertentu.

## Sebelum menggunakan *Tricilon*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- alahan terhadap triamcinolone, steroid lain dan ramuan-ramuan lain produk
- pada atau sekeliling mata

### - Sebelum menggunakan *Tricilon*

Berhati-hati jika digunakan pada ibu yang menyusukan anak, jangkitan pada kawasan rawatan dan tuberkulosis kulit. Penggunaan untuk wanita hamil hanya apabila manfaat melebihi risiko pada janin. Jangan guna ubat ini dengan banyak pada kawasan luas, atau rawatan jangka panjang semasa hamil.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan *Tricilon*

### - Berapa banyak harus digunakan

Topikal pada kulit. Disapu secukupnya dalam lapisan nipis. Kurangkan kekerapan apabila keadaan semakin sembuh.

### - Bila perlu digunakan

Dewasa: Dua hingga empat kali sehari.  
Kanak-kanak: Sekali sehari.

### - Berapa lama perlu digunakan

Jangka rawatan untuk kanak-kanak yang melebihi dua minggu perlu dinilai dengan teliti oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan *Tricilon*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil. Penggunaan jangka panjang harus dielakkan.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai. Jangan balut kawasan rawatan kecuali dengan arahan doktor.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, iritasi atau jangkitan, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi.

## Kesan-kesan sampingan

Mungkin menyebabkan kulit menjadi nipis dan kering. Kehadiran garis-garis ungu kemerahan, gatal, inflamasi sekitar mulut, rasa pedih, inflamasi folikel kulit, perubahan warna kulit mungkin berlaku. Jangkitan dan kulit menjadi lembut mungkin berlaku jika balutan luka digunakan. Sindrom *Cushing*, paras gula dalam darah dan air kencing yang tinggi mungkin berlaku kalau digunakan pada kawasan yang luas, jangka rawatan panjang dengan balutan dan/atau bayi dan kanak-kanak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Tricilon*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim warna putih legap.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: triamcinolone acetonide
- Bahan tidak aktif: cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, liquid paraffin, macrogol 400, chlorocresol, disodium edetate, pewangi LADT, sodium citrate dan air.

### - Nombor MAL

MAL19900658AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/08/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)160817/00213